

PAJAKGADAI ISLAM : AR-RAHNU



ZAINUDDIN BIN ALI
zdin1963@yahoo.com
Bank Rakyat

KANDUNGAN

- Pengenalan
- Aspek 'Sistem Pajak Gadai Konvensional'
- *Ar-Rahnu*: Permulaan Era Baru
- Pusat Ar-Rahnu vs CPB
- Kelebihan *Ar-Rahnu*
- Konsep *Ar-Rahnu*
- Ciri-ciri *Ar-Rahnu*
- *Ar-Rahnu* Sebagai Peluang Perniagaan Baru
- Kemajuan *Ar-Rahnu* di Bank Rakyat
- Peranan *Ar-Rahnu* dalam Pembangunan Sosial Ekonomi
- Peranan *Ar-Rahnu* Sebagai Sumber Modal
- Cabaran dan Sekatan Perkembangan Perniagaan
- Kesimpulan
- Rujukan

PENGENALAN

- Ramai mengatakan berlian adalah 'women's best friend'. Realitinya, 'barang kemas' adalah kawan baik mereka – sekurang-kurangnya bagi wanita Malaysia
- Barang kemas berfungsi sebagai:
 - Mencantikkan penampilan,
 - Imej eksklusif/perbezaan taraf: lebih banyak emas lebih kaya.
 - Simpanan, kerana harga lebih stabil dan lebih dihargai.
 - Sebagai cagaran, bila tunai diperlukan.
 - Lelaki juga boleh berkongsi kelebihannya apabila berlaku kecemasan.

PENGENALAN



- KENAPA?
- Kerana emas boleh ditukar untuk tunai segera dan ditebus semula dalam jangka masa tertentu.
- Perniagaan pajak gadai telah diperkenalkan di Malaysia pada zaman 19-an.
- Sistem Pajak Gadai Konvensional popular bagi mendapatkan pinjaman tunai segera. Terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah di luar bandar.
- Kekurangan sistem ini – bunga tinggi dan berat sebelah
- Bagi membantu masyarakat, satu alternatif pajak gadai atau **AR-RAHNU** telah diperkenalkan dan menerima sambutan yang menggalakkan.

ASPEK 'SISTEM PAJAK GADAI KONVENSIONAL'

- Broker telah beroperasi sejak tahun 19-an. Pada 2002, terdapat 276 broker terdaftar menjadikannya senang didapati.
- Aktiviti Pajak Gadai tetakluk kepada Akta Pajak Gadai 1972. Walau bagaimanapun, koperasi adalah dikecualikan.
- Mereka adalah pengendali swasta dengan objektif untuk mencapai keuntungan maksimum.
- Servis cepat dan efisien
- Fleksibel dalam penilaian dan kelulusan loan dan mengamalkan prosedur yang mudah.

ASPEK'SISTEM PAJAK GADAI KONVENSIONAL'

Kekurangan Sistem Pajak Gadai Konvensional:

- Bunga dan lain-lain bayaran boleh mencapai 24% setahun
- Kaunter pajak gadai konvensional direka tinggi agar urusan penggadaian tidak dapat dilihat.
- Cara-cara penilaian dan ukuran tidak didedahkan.
- Tulisan tangan di dalam surat pajak gadai sukar dibaca dan menggunakan bahasa yang tidak difahami.
- Tiada notis diberikan bagi barang yang tidak dituntut/tamat tempoh.
- Barang yang tidak dituntut akan dilelong tetapi duit lebihan disimpan oleh broker.

***AR-RAHNU*: PERMULAAN ERA BARU**

- Sejarahnya, Muslim di Malaysia takut dengan bank kerana bunga yang diperkenalkan.
- Bunga dilarang di dalam Islam.
- Suasana telah berubah terutamanya selepas Sistem Kewangan Islam diperkenalkan dan dipraktikkan.
- Walau bagaimanapun, budaya menyimpan duit dalam bentuk emas masih kekal dan pajak gadai masih popular.
- Cepat dan tiada masalah menjadikan pajak gadai pilihan bagi pinjaman mikro kredit.
- Pilihan yang terhad bagi Muslim

AR-RAHNU: PERMULAAN ERA BARU

- The Malaysian Islamic Economic Development Foundation (YPEIM) mencadangkan *Ar-Rahnu* diperkenalkan.
- Kedai *Ar-Rahnu* pertama ditubuhkan pada 1992 oleh Kerajaan Negeri Kelantan, kemudian diamanahkan urusan pentadbiran dan pengendalian cawangan-cawangan yang lain kepada koperasi.
- Koperasi pertama menjalankan *Ar-Rahnu* di Malaysia ialah Koperasi Bank Rakyat pada Oktober 1993 dengan kerjasama YPEIM.
- Pada 2004, **22 koperasi** terlibat dalam perniagaan ini dengan **125 pusat** di seluruh negara. Bank Rakyat memiliki 100 pusat.



*Pusat Ar-rahnu di
Kelantan*

KELEBIHAN *AR-RAHNU*



- Sensitiviti Jantina:
 - Barang kemas adalah aset wanita.
 - Menurut Islam, wanita mempunyai hak ke atas barang mereka.
 - Ramai wanita terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan.
 - Koperasi menawarkan skim *Ar-Rahnu* yang mengambil kira keperluan dan kebajikan wanita.

KELEBIHAN *AR-RAHNU*

- Tiada bunga.
- Transparen dan kaunter yang mesra pelanggan.
- Semua transaksi jelas direkod.
- Tempat simpanan yang selamat dan perlindungan insuran bagi barang gadaian.
- Notis dikeluarkan kepada pelanggan.
- Lebihan tunai dari lelong diberikan kepada pelanggan.



Bahagian Dalam Kaunter Ar-Rahnu

Hadith Nabi S.A.W, Riwayat Imam Bukhari

وَلَقَدْ رَهَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دِرْعَهُ
بِشَعِيرٍ

Maksudnya:

**“ Sesungguhnya Baginda Nabi S.A.W telah mengadai
baju besinya dengan gandum “**

KONSEP *AR-RAHNU*

- Konsep Islam Digunakan:
 - **Benevolent Loan (*Qardhul Hasan*)**
 - Adalah perjanjian pinjaman di antara pemajak dan penggadai
 - Pemajak dilarang meminta bayaran tambahan tetapi penggadai digalakkan memberi token sebagai tanda penghargaan.
 - **Trustworthiness (*Wadiyah Yad-Amanah*)**
 - Penggadai perlu menyediakan barang gadaian sebagai jaminan pinjaman akan dibayar.
 - Penggadai mengamanahkan pemajak menjaga barang gadaian sepanjang tempoh pinjaman. Jika sesuatu berlaku kepada barang gadaian tersebut tetapi bukan atas kelalaian pemajak, barang gadaian tersebut tidak perlu diganti.

KONSEP *AR-RAHNU*

- **Yuran Simpanan (*Al-Ujrah*)**
 - Pemajak dibenarkan mengenakan upah kerana menyimpan barang gadaian dengan baik dan selamat. **Simpanan dengan Jaminan (*Wadiah Yadhomanah*)**
 - Pemajak dipertanggungjawabkan mengganti barang yang hilang/dicuri kepada penggadai jika gagal mematuhi perjanjian.



Proses Menguji Emas

CIRI-CIRI *AR-RAHNU*



*Menguji kepadatan emas
bagi menentukan harga
sebenar*

- **Tujuan:**
 - Bagi memanjangkan tempoh pinjaman dalam masa yang singkat dengan mengambil emas sebagai cagaran.
- **Jumlah Pinjaman** (bergantung pada individu & koperasi):
 - Sehingga RM5,000 sehari dan secara berkumpulan sehingga RM25,000 maksimum.
 - Koperasi yang besar menawarkan sehingga maksimum RM50,000.

CIRI-CIRI *AR-RAHNU*

- **Margin Pinjaman** (bergantung kepada individu & koperasi):
 - 60% - 75% dari harga emas.
- **Jangka masa Pinjaman** (bergantung pada individu & koperasi):
 - 3 bulan + 3 bulan + 14 hari
 - 6 bulan + 2 bulan + 2 bulan
 - Sehingga 3 tahun bagi pinjaman yang melibatkan jumlah yang besar



Skala membeirkan jumlah berat sebenar.

CIRI-CIRI *AR-RAHNU*



Peralatan yang digunakan bagi menguji jenis emas

- **Yuran** (bergantung pada individu & koperasi):
 - Yuran Simpan: RM0.40 - RM0.60 bagi setiap RM100 bergantung pada harga barang gadaian (*marhun*).
 - Bayaran Servis: RM0.50 per transaksi.
- **Cara Bayaran Balik:**
 - Sama ada secara ansuran atau sekali gus. Bayaran boleh dibuat melalui tunai dan cek.

AR-RAHNU

SEBAGAI PELUANG PERNIAGAAN BARU



- Produk kewangan yang berpotensi.
- Ia juga merupakan perniagaan kebajikan yang juga menjana keuntungan.
- Kelebihan dan faedah perniagaan ini adalah:
 - Sah dari segi undang-undang.
 - Ciri-ciri keselamatan yang tinggi: premis dan barang adalah dilindungi dan diinsurankan.
 - Pinjaman yang dikeluarkan adalah 60% - 75% dari harga emas.
 - Barang gadaian/harga emas adalah lebih stabil dan permintaannya tinggi.
 - Peratusan pinjaman tidak berbayar adalah rendah kerana barang gadaian senang/cepat dijual.

PERANAN *AR-RAHNU*

DALAM PEMBANGUNAN SOSIAL EKONOMI



- **Sebagai modal bagi perniagaan kecil**
 - Cepat dan sistem yang lebih mudah berbanding prosedur perbankan biasa.
- **Sebagai Sumber Keperluan Kewangan Pendidikan**
 - Terutamanya pada awal penggal persekolahan atau bergantung pada masa pendaftaran.
- **Pembangunan Agrikultur & Industri Kampung**
 - Mereka yang menjalankan projek agrikultur dan juga industri kecil juga memerlukan modal pusingan.

PERANAN *AR-RAHNU*

DALAM PEMBANGUNAN SOSIAL EKONOMI

- **Sebagai Khidmat Masyarakat**

- Memenuhi keperluan masyarakat berpendapatan rendah. Untuk mengelakkan mereka terjebak dengan skim yang tidak sah.
- Secara amnya, semua skim pinjaman haram, mengenakan bunga yang tinggi, memanipulasi penggadaian, kehidupan diancam dan ada penggadaian yang membunuh diri.
- Dengan skim *Ar-Rahnu* boleh meminimalkan semua risiko di atas.

Kita tidak akan tahu bila bencana akan menimpa



PERANAN *AR-RAHNU*

DALAM PEMBANGUNAN SOSIAL EKONOMI

- ***Ar-Rahnu* Sebagai Asas Menggalakkan Simpanan dan Pelaburan**

- Simpan duit dahulu untuk membeli barang kemas.
- Aktiviti membeli dan menjual emas adalah satu jenis pelaburan, menggandakan untung melalui perbezaan harga emas, dan meneruskan perniagaan menggunakan pinjaman di bawah skim *Ar-Rahnu*.





PERANAN *AR-RAHNU* SEBAGAI SUMBER MODAL

- Wujud jurang – mereka yang berpendapatan rendah tidak mendapat layanan dari institusi kewangan walaupun mereka merupakan kelompok terbesar.
- Terdapat banyak perniaga kecil-kecilan di dalam masyarakat dan mereka ini terdapat di mana-mana.
- Peniaga kecil-kecilan ini memerlukan sumber kewangan/modal bergantung pada jenis perniagaan yang dijalankan, bermula dari modal kecil-kecilan sehingga ke ribuan ringgit. Oleh itu, skim Ar-Rahnu ini boleh menyumbang kepada perniagaan mereka.

PERANAN *AR-RAHNU* SEBAGAI SUMBER MODAL

- Kesukaran mendapatkan pinjaman mikro kredit dari institusi kewangan biasanya dihadapi oleh peniaga kecil disebabkan:
 - **Isu Cagaran**
 - Biasanya tiada aset yang boleh dicagarkan. Bank pula tidak menerima emas sebagai cagaran.
 - **Isu Penjamin**
 - Bank akan meminta penjamin yang biasanya sukar didapati. Dalam skim pajak gadai Ar-Rahnu, barang gadaian itu adalah jaminan.
 - **Ciri-ciri Kelulusan**
 - Bagi meluluskan pinjaman, bank akan meminta beberapa maklumat mengenai perniagaan. Ar-Rahnu pula hanya memerlukan maklumat minimum dan juga maklumat barang gadaian sahaja.



CABARAN DAN SEKATAN

KEPADA PERKEMBANGAN PERNIAGAAN

- **Cabaran:**
 - Perbezaan di antara pajak gadai konvensional ialah mereka menerima semua barang gadaian yang bernilai. Manakala, bagi koperasi pula hanya menerima emas.
- **Sekatan:**
 - Bagi menceburi perniagaan Ar-Rahnu memerlukan modal yang tinggi (RM2 juta – RM4 juta) bagi menjamin keselamatan dan servis yang berkualiti. Walau bagaimanapun, koperasi kecil boleh bermula dengan yang kecil.
 - Masalah Dalaman: Perniagaan ini terdedah kepada ketidakcekapan pengurusan jika tidak ditadbir dengan baik.

KESIMPULAN



- Sistem pajak gadai adalah sistem pinjaman berbentuk cagaran dan telah lama digunakan.
- Sistem pajak Gadai dimanopoli oleh golongan yang berpendapatan rendah bagi mendapatkan tunai segera dan mempunyai prosedur yang mudah.
- Sistem *Ar-Rahnu* adalah satu cara yang digunakan oleh peniaga kecil-kecilan di Pantai Timur.
- *Ar-Rahnu* boleh menjadi sumber utama bagi modal perniagaan dan diterima ramai oleh orang ramai dalam perniagaan harian.
- *Ar-Rahnu* boleh menjadi asas ekonomi bagi mengukuhkan pembangunan sosio ekonomi bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana dan ia selari dengan prinsip koperasi.

KESIMPULAN

- Perniagaan Ar-Rahnu menjanjikan pulangan yang lumayan kepada mereka yang ingin menceburi bidang ini.
- Istimewanya skim Ar-Rahnu yang ditawarkan oleh koperasi di Malaysia ialah:
 - AR-RAHNU ADALAH SENSITIVITI JANTINA
 - Majoriti wanita adalah pemilik dan memakai barang kemas. Aset tersebut boleh ditukar kepada tunai segera walau apa pun alasannya.



TERIMA KASIH